

**Pemuda Umno Syor Pendaftaran Pemilih Secara Automatik Perlu Dilaksanakan
Bernama
21 Jun, 2012**

PUTRAJAYA, 21 Jun (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno mencadangkan supaya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik bagi rakyat Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun.

Ketuanya Khairy Jamaluddin berkata langkah itu penting kerana sebilangan besar rakyat masih tidak menunjukkan minat atau mengambil inisiatif untuk mendaftarkan diri sebagai pemilih, meskipun pelbagai usaha telah diambil.

"Kita tidak boleh memaksa...jadi masalah ini tidak akan wujud sekiranya sistem pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri forum bertajuk 'Rights vs Security: To Strike A Balance' sempena seminar kebebasan berhimpun di sini.

Khairy berkata demikian ketika mengulas kenyataan Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof bahawa kira-kira tiga juta rakyat Malaysia yang layak mengundi masih belum berdaftar sebagai pemilih.

Golongan ini masih berpeluang mengundi sekiranya mendaftar sebelum 30 Jun ini andainya Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 diadakan selepas Ogos ini.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674777>